

Pengganti Daim perlu diisi selepas perhimpunan

UM 23 JUN 2001
KUALA LUMPUR

Jun — Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Shahrir Abdul Samad berpendapat jawatan Menteri Kewangan wajar diisi selepas selesai Perhimpunan Agung ini.

Katanya, pengunduran Tun Daim Zainuddin seolah-olah begitu sukar untuk dicari ganti.

"Tentunya ada tokoh-tokoh berpotensi yang jujur. Tidak timbul soal kontroversi dalam melantik calon yang sesuai kerana apa yang mustahak ialah calon itu ada kredibiliti, jujur dan kebolehan.

"Kalau tidak ada calon yang sesuai ini adalah tragedi bagi UMNO, seolah-olah kita sudah ketandusan calon," katanya ketika ditemui pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Tindakan

Sementara itu, Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin mempunyai pendapat yang berbeza malah beliau menyifatkan tindakan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memangku jawatan Menteri Kewangan itu mempunyai sebab-sebab tertentu apatah lagi dalam keadaan ekonomi sekarang.

"Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri mempunyai pertimbangan yang bijak dalam menentukan siapa yang layak serta bila masa yang sesuai untuk melantik Menteri Kewangan bar-u.

"Kita tidak boleh teka apa dalam pemikiran Dr. Mahathir. Tentunya beliau mengambil kira berbagai-bagai aspek," tegasnya.

Menurut Muhyiddin, beliau menyifatkan buat masa ini calon yang paling layak memegang jawatan berkenaan adalah Dr. Mahathir.